

# Lompat parti politik tak sihat

Sinar Harian 01/11/2018 M/S 2

## Analisis BERITA

### Isu lompat hanya dakwaan

Adun Sungai Air Tawar, Rizam Ismail yang dilantik sebagai Ketua Pembangkang Selangor berkata, jumlah pemimpin yang lompat parti itu belum disahkan sebaliknya ia sengaja dibangkitkan untuk menimbulkan pergolakan dalam Umno.

"Hal kepimpinan Umno tidak membimbangkan saya sebaliknya yang lebih menarik perhatian adalah kombinasi kerajaan PH yang mentadbir negara dilihat masih rapuh, tidak stabil ibarat retak menanti belah.

"Sebagai Ketua Pembangkang dan Ketua Pemuda Umno Selangor

dilontarkan oleh Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin yang berpandangan fenomena lompat parti ahli Umno ke PH mempunyai kesan baik dan buruk namun perkara itu perlu dibincangkan terlebih dahulu bagi memahami isu tersebut.

Dilihat, pergolakan dalam Umno tidak langsung merencatkan semangat wakil rakyat BN dalam Selangor yang belum ada ura-ura untuk berubah angin sebaliknya selesa dengan kedudukan sebagai pembangkang.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Datuk A Kadir Jasin bahawa terdapat 40 Ahli Parlimen Umno akan meninggalkan parti itu untuk menyertai Bersatu mendapat reaksi pelbagai pihak.

### Isu Ahli Parlimen Umno lompat sengaja dibangkitkan lemahkan BN

NORAFIZA JAAFAR

### SHAH ALAM

Politik tidak sihat jika ada Ahli Parlimen atau Adun lompat parti.

Pengerusi DAP, Tan Kok Wai tidak bersetuju dengan tindakan parti komponen PH menerima Ahli Parlimen Umno yang melompat parti kerana disifatkan sebagai amalan tidak sihat sedangkan kerajaan PH belum menjangkau enam bulan.

Pandangan yang sama



MOHD IMRAN

tumpuan saya adalah mengukuhkan barisan parti di Selangor. Pendirian saya jelas saya akan setia bersama Umno kerana jawatan yang saya sandang ini adalah dari keputusan dan suara rakyat di kawasan saya," katanya.

BN kekal sebagai pembangkang



MOHD AZIZUDDIN

tidak mengelirukan rakyat. "Adun BN tetap akan menjalankan tugas semak dan imbang walaupun jumlahnya hanya empat orang," katanya.

Kerajaan PH Selangor selesa

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kampong dan Pengajian

INFO	
KEDUDUKAN DUN SELANGOR	
BN - 4	
Pas - 1	
PKR - 51	
KEDUDUKAN PARLIMEN SELANGOR	
PKR - 20	
BN - 2	

"Mereka hadapi banyak kekangan dan masalah khususnya dari sudut

KS-10  
10th SUNNAH CONVENTION  
**KONVENSYEN  
SUNNAH**  
KESEPULUH  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ULANG TAHUN  
**10**  
KONVENSYEN SUNNAH



**BERINTERAKSI DENGAN  
PERUBAHAN DALAM DAKWAH**

Tempat:

Sime Darby Convention Centre (SDCC)  
Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

8.30 PAGI - 5.30 PETANG/ 04 NOVEMBER 2018 (AHAD)

Pendaftaran | Pertanyaan  
012-700 5590

Yuran Komitmen RM20  
8603122485 [CIMB]

Rakan Media

**Sinar**

Pengantar  
فانو بوهان كتاب كان القلم ملأه  
PERTUBUHAN KEBAJIKAN AL-QAYYIM MALAYSIA

Link Pendaftaran : <http://bit.do/ksunnah10>

"Kepimpinan dan Pengajian hanya menunggu tindakan dan keputusan dari Presiden Umno terlebih dahulu kerana ianya melibatkan soal parti. Setakat ini, kepimpinan Umno masih belum berbincang mengenai isu ini jadi kita sebagai pembangkang di Selangor akan terus kekal.

"Soal peruntukan kita akan gunakan sebaik mungkin saluran diberikan kerajaan negeri. Khidmat bakti kami akan diteruskan walaupun mempunyai kekangan bajet tetapi akan cuba yang terbaik untuk membantu rakyat," katanya.

Pandangan beliau disokong Adun Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin yang berpandangan, mereka yang lompat parti adalah pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan tidak berterima kasih terhadap rakyat serta parti yang membantu kemenangan mereka semasa PRU14 lalu.

"Hal parti kita letakkan kepada kepimpinan parti dan sebagai wakil rakyat di Selangor kita adalah pemerhati dengan menunggu sebarang keputusan oleh pucuk pimpinan. Saya harap segala perbincangan perlu dilakukan secara telus dan terbuka.

Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, kerajaan PH di Selangor tidak memerlukan Adun BN untuk menyertai mereka dalam kerajaan kerana berada pada kedudukan selesa.

Namun peranan Adun BN ini diperlukan sebagai pembangkang untuk menegur kerajaan memastikan pentadbiran PH di Selangor bersih dan cekap.

"Kedudukan empat Adun BN mencabar namun harus kekal menjadi pembangkang atas mandat kepercayaan diberikan rakyat.



kekuatannya dan sudah kewangan namun mereka tak boleh mengeluh, peranan mereka sebagai pembangkang penting untuk menstabilkan pentadbiran kerajaan negeri.

"Tiada istilah soal buli dalam sidang dun disebabkan jumlah mereka yang sedikit sebaliknya mereka harus terus aktif membangkitkan isu dan permasalahan rakyat untuk diberikan perhatian oleh kerajaan," katanya.

Beliau berpandangan kemelut kepimpinan dan rasa tidak puas hati faktor wujudnya masalah lompat parti.

"Hal lompat parti itu adalah hak masing-masing berkait dengan sikap individu itu sendiri. Ada kemungkinan disebabkan kurang keyakinan kepada pucuk pimpinan atau pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad itu sendiri yang pernah menjadi pemimpin utama BN," katanya.

RIZAM